


Perpustakaan

Pemangkin Pembangunan Ilmu dan Kemahiran

Perpustakaan telah wujud sejak sekian lama dalam peradaban manusia. Secara tradisinya, perpustakaan dilihat sebagai sebuah gedung yang membolehkan orang ramai mengakses pelbagai sumber maklumat dan pengetahuan.

Melalui kecanggihan teknologi pada zaman ini, proses pengumpulan, penyimpanan, pengurusan dan pengaksesan maklumat di perpustakaan menjadi lebih sistematik dan berkesan. Hal ini membolehkan perpustakaan pada masa ini menjadi pusat rekreasi ilmu pengetahuan yang aktif bagi membangkitkan keinginan orang ramai, khususnya golongan pelajar untuk memperkaya khazanah ilmu mereka.

Pihak pengurusan perpustakaan hendaklah memanfaatkan segala sumber teknologi dan elektronik yang ada bagi mentransformasikan perpustakaan menjadi sebuah tempat interaktif yang dapat memberikan peluang kepada pelajar untuk mengakses bahan bacaan yang bermutu mengikut minat, hobi, latar belakang dan budaya mereka. Perpustakaan sewajarnya



menyediakan bahan bacaan yang dapat memperkaya kosa kata dan pemahaman wacana, menyuburkan sensitiviti budaya serta memperluas horizon pemikiran melalui teks dan naratif yang berwibawa kepada pelajar yang meminati bidang bahasa, kesusasteraan, sejarah atau seni visual. Sementara itu, pelajar yang cenderung kepada bidang sains dan teknologi pula, mereka memerlukan akses kepada koleksi bahan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) yang dapat menyokong pemikiran

saintifik, pengayaan konsep dan peluasan pengetahuan secara sistematik dan berterusan.

Bahan bacaan yang selaras dengan minat, latar belakang dan budaya pelajar dapat menjadikan perpustakaan bukan sekadar ruang penyimpanan buku yang sunyi tetapi sebahagian daripada identiti pembelajaran yang interaktif. Perpustakaan yang inklusif dan responsif terhadap keperluan pembacanya berpotensi untuk menghidupkan budaya ilmu secara berterusan. Budaya ini bukan

sahaja menggalakkan pelajar untuk membaca demi memenuhi keperluan akademik, malah memperkaya diri mereka dengan ilmu yang lebih mendalam dan bermakna. Oleh itu, perpustakaan perlu berperanan sebagai pusat ilmu yang menyeluruh, di samping mampu menyantuni kepelbagaian pendekatan pelajar dalam memperoleh, memahami, dan mengaplikasikan ilmu dalam kehidupan seharian mereka.

Perpustakaan Medan Intelektual dan Fungsional yang Hidup dan Dinamik

Kepentingan perpustakaan tidak hanya terletak pada koleksi bahan yang tersedia, malah perpustakaan memainkan peranan yang signifikan sebagai pemacu kecemerlangan pelajar dalam aspek akademik dan intelektual. Sehubungan dengan itu, pendidik perlu mempromosikan penggunaan perpustakaan sebagai pelantar akademik yang dapat menyokong

kejayaan pelajar melalui pengayaan ilmu secara sendiri. Pendidik seharusnya menggalakkan pelajar untuk membudayakan konsep pembelajaran sepanjang hayat di perpustakaan dan tidak bergantung sepenuhnya kepada pembelajaran formal di dalam bilik darjah. Hal ini dikatakan demikian kerana pembelajaran tidak formal di perpustakaan turut berperanan besar bagi memperkukuh perkembangan akademik dan intelektual pelajar.

Krista M. Soria dan rakan-rakan dalam makalah yang bertajuk *The Impact of Academic Library Resources on Undergraduates' Degree Completion* pada tahun 2017 berpendapat bahawa pelajar yang aktif berinteraksi dengan perpustakaan akan dapat mengembangkan kemahiran literasi maklumat mereka, sekali gus menyumbang kepada peningkatan pencapaian akademik mereka. Pelajar yang memiliki

kemahiran literasi maklumat yang baik akan terdedah kepada pelbagai sudut pandang dan pendekatan dalam memahami sesuatu ilmu. Hal ini membolehkan mereka memperluas pemikiran dan mengaplikasikan ilmu dengan lebih efektif dan seterusnya meningkatkan pencapaian akademik mereka.

Kemahiran literasi maklumat mempunyai hubungan yang signifikan dengan penggunaan teknologi dan digital. Transformasi penggunaan sumber dan

format digital di perpustakaan pada masa ini telah menuntun pihak pengurusan perpustakaan untuk merangka strategi yang berkesan bagi memastikan penggunanya mahir menggunakan teknologi dan digital. Abdulkarim Abdullahi dan rakan-rakan dalam makalah *"Information Literacy Skills of Librarians and Service Delivery in the 21st Century"* pada tahun 2024 berpandangan bahawa pustakawan memainkan peranan yang penting sebagai penyokong utama terhadap pembangunan kemahiran literasi digital dan maklumat dalam kalangan pengguna perpustakaan.


Pustakawan bertanggungjawab membantu pengguna perpustakaan untuk mempelajari cara menggunakan sumber digital, menilai maklumat secara kritis dan menggunakan alatan digital. Peranan ini semakin penting dalam era digital apabila maklumat menjadi lebih kompleks, sekali gus menjadikan pengguna perpustakaan, khususnya pelajar sekolah sebagai warga yang celik digital dan berkemahiran dalam literasi maklumat.

Selain itu, hubungan erat antara pengguna perpustakaan dengan penguasaan kemahiran literasi maklumat tidak hanya terbatas kepada kecekapan mencari atau menilai sumber semata-mata. Sebaliknya, kemahiran literasi maklumat yang diperoleh melalui interaksi aktif dengan perpustakaan turut membina asas kepada pembentukan integriti ilmiah pelajar. Pelajar yang mahir untuk mengakses, mentafsir, dan menggunakan maklumat secara beretika akan lebih

berwaspada terhadap isu seperti ciplak, penyalahgunaan sumber dan maklumat palsu.

Dalam konteks ini, peranan pustakawan sebagai pembimbing literasi maklumat menjadi semakin signifikan, terutamanya dalam usaha membentuk budaya penyelidikan yang jujur dan beretika dalam kalangan pelajar. Melalui bimbingan ini, pelajar diajar untuk menghormati sumber, merujuk secara tepat dan memahami kepentingan keaslian dalam penghasilan tugas atau kajian akademik mereka. Oleh itu, kemahiran literasi maklumat tidak wajar dianggap sebagai sekadar alat bantu akademik, sebaliknya perlu diiktiraf sebagai elemen penting dalam pembinaan jati diri keilmuan yang berintegriti. Pelajar yang dibudayakan dengan nilai ini akan berkembang sebagai generasi pembaca yang berpengetahuan dan cemerlang akademik, di samping berupaya menjadi penjana ilmu yang bertanggungjawab dan berprinsip.

Pelajar yang dibudayakan dengan nilai ini akan berkembang sebagai generasi pembaca yang berpengetahuan dan cemerlang akademik, di samping berupaya menjadi penjana ilmu yang bertanggungjawab dan berprinsip.



Perpustakaan Menyuburkan Kreativiti dan Inovasi

Mark Bieraugel dan Stem Neill dalam makalah "Ascending Bloom's Pyramid: Fostering Student Creativity and Innovation in Academic Library Spaces" pada tahun 2017 menyatakan bahawa perpustakaan juga berperanan sebagai ruang yang menyuburkan kreativiti dan inovasi dalam kalangan generasi muda. Ruang yang dimaksudkan ialah ruang pembuat, iaitu ruang kerja kolaboratif yang dirancang khusus untuk menggalakkan penghasilan idea. Beberapa perpustakaan sekolah dan institusi pengajian tinggi telah menyediakan ruang sedemikian. Ruang ini menawarkan persekitaran pembelajaran berasaskan pengalaman yang menyokong aktiviti kreatif, penyelesaian masalah, pembelajaran kolaboratif dan penerokaan mendalam terhadap pelbagai disiplin ilmu.

Cecil R. Short dan rakan-rakan dalam makalah "Makerspaces" pada tahun 2023 menyatakan bahawa ruang pembuat di perpustakaan lazimnya dilengkapi dengan teknologi seperti pencetak tiga dimensi (3D), mesin pemotong, pencetak laser, mesin tekan haba, mesin pencelup dan komputer yang dilengkapi dengan pelbagai perisian reka bentuk. Selain itu, ruang pembuat turut dibekalkan dengan sumber bukan



berteknologi tinggi seperti bahan seni dan kraf tangan am. Penyediaan ruang kerja kolaboratif seperti ini membolehkan pelajar mengakses pelbagai kemudahan dan berpeluang untuk mencipta, mengekspresikan idea dan meneroka sesuatu yang baharu secara berpasukan. Persekitaran ini dapat memupuk semangat kerja berpasukan dan semangat kekitaan dalam kalangan pelajar, di samping menggalakkan mereka belajar mengambil risiko dan menyelesaikannya secara kreatif. Oleh itu, ruang pembuat di perpustakaan berperanan sebagai wadah pembelajaran autentik yang merangsang kreativiti, pemikiran kritis dan kerjasama dalam kalangan pelajar menerusi penerokaan teknologi.

Gabungan Kuasa Sosial Mengangkat Peranan Perpustakaan

Kerjasama antara pihak sekolah, komuniti dan pertubuhan bukan kerajaan amat penting dan harus diwujudkan bagi memperkasakan fungsi perpustakaan dalam ekosistem pendidikan. Hubungan ini tidak wajar bersifat sehala atau bergantung pada inisiatif individu semata-mata, sebaliknya harus dibentuk secara terancang dan berterusan. Perpustakaan dapat dihidupkan sebagai pusat ilmu yang aktif dan kontekstual apabila ketiga-tiga pihak ini berperanan secara kolektif.

Sebagai institusi pendidikan formal, pihak sekolah memikul tanggungjawab utama untuk memastikan perpustakaan berfungsi secara aktif dan berkesan sebagai sebuah gedung ilmu yang interaktif. Hal ini dapat direalisasikan dengan menjadikan perpustakaan sebagai destinasi menarik untuk dikunjungi oleh pelajar pada setiap hari, menyepadukan aktiviti anjuran perpustakaan dalam takwim rasmi persekolahan, memperuntukkan masa khas untuk penggunaan perpustakaan dalam jadual waktu pembelajaran dan memperkukuh kerjasama antara pentadbir, guru dan pustakawan.

Seciranya perpustakaan diurus dengan baik dan diberikan keutamaan oleh pihak sekolah, pelajar akan melihatnya sebagai tempat yang signifikan bagi perkembangan ilmu dan kemahiran secara berterusan. Pada masa yang sama, sokongan pentadbir sekolah dalam bentuk peruntukan, insentif dan latihan profesional untuk pustakawan atau pengawas pusat sumber juga menjadi pemacu utama kepada pengupayaan fungsi perpustakaan.

Komuniti setempat pula boleh memainkan peranan sebagai penggerak luar yang memperkaya nilai perpustakaan melalui hubungan sosial dan budaya. Selain itu, sumbangan ibu bapa, alumni, tokoh setempat atau badan korporat dalam bentuk bahan bacaan, aktiviti literasi, ceramah perkongsian ilmu dan sokongan sumber kewangan mampu menghidupkan perpustakaan dan merapatkannya dengan pelajar. Peranan komuniti bukan sahaja memudahkan akses kepada sumber tambahan, malah membentuk persekitaran pembelajaran yang holistik dan bermakna kepada pelajar.

Sebagai institusi pendidikan formal, pihak sekolah memikul tanggungjawab utama untuk memastikan perpustakaan berfungsi secara aktif dan berkesan sebagai sebuah gedung ilmu yang interaktif.

Di samping itu, pertubuhan bukan kerajaan juga berpotensi besar untuk memperkasakan perpustakaan dari segi inovasi, kepakaran dan peluasan capaian program. Pertubuhan yang berfokus pada pembangunan literasi, pendidikan, teknologi atau kesejahteraan sosial boleh menyumbang dalam pelbagai bentuk termasuklah menawarkan modul latihan untuk pustakawan, menganjurkan bengkel literasi digital, menyediakan bahan bacaan interaktif dan memperkenalkan inisiatif pembelajaran sendiri melalui teknologi atau perpustakaan digital. Kerjasama yang erat antara sekolah dengan pertubuhan bukan kerajaan turut membuka ruang kepada pelajar untuk melihat perpustakaan sebagai pusat pembelajaran sepanjang hayat. Kerjasama antara ketiga-tiga entiti ini bukan sahaja berupaya mengangkat fungsi perpustakaan, malah memperkukuh usaha dalam melahirkan generasi pelajar yang celik maklumat, cerdas berfikir dan cekap bertindak.

Kesimpulannya, perpustakaan ialah jantung pembangunan ilmu dan asas kepada penciptaan tamadun pada masa hadapan. Sokongan daripada semua pihak membolehkan perpustakaan dapat dihidupkan sebagai ruang yang dapat menyuburkan pemikiran, membina sahsiah diri dan memperkaya pengalaman pembelajaran pelajar. Peranan perpustakaan sebagai pusat ilmu yang dinamik turut menyumbang kepada pembentukan masyarakat yang berpengetahuan, beretika dan inovatif. Oleh itu, peranan perpustakaan hendaklah diperkasakan agar terus kekal relevan sebagai ruang pembelajaran yang dapat memberikan pelbagai manfaat kepada semua lapisan pelajar dalam semua peringkat pengajian. **Pb**